

📅 Jumaat, Apr 13 2018

# LPPSA terbit sukuk siri keempat

**PUTRAJAYA 12 April** - Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) berjaya menerbitkan sukuk siri keempat menerusi nota jangka sederhana Islam (IMTN) yang berjumlah RM3 bilion.

Lembaga itu dalam satu kenyataan memaklumkan, jumlah itu membentuk sebahagian daripada RM25 bilion IMTN yang dijamin oleh kerajaan Malaysia.

"Permintaan yang kukuh menunjukkan bukti kredibiliti LPPSA sebagai penerbit sukuk di pasaran dengan kedudukan kredit yang kukuh dan stabil.

"Sukuk diterbitkan ini untuk membiayai penyediaan pembiayaan perumahan kepada sektor awam," kata kenyataan itu hari ini.

Menurut LPPSA lagi, ditawarkan melalui proses *book-buiding* dan *private placement*, sukuk diterbitkan dalam jangka masa

lima sehingga 15 tahun itu ditawarkan pada harga 4.10 peratus kepada 4.54 peratus setahun sepanjang tempoh berkenaan.

"Bank Affin Hwang Investment Bhd., Bank AmInvestment Bhd., Bank Islam Malaysia Bhd., Bank CIMB Investment Bhd., Maybank Investment Bhd., Bank OCBC (Malaysia) Bhd., dan RHB Investment merupakan pengurus utama bersama dan *joint book runners* untuk aktiviti *book-buiding* ini.

"Manakala CIMB Investment adalah ejen kemudahan dan RHB Islamic Berhad pula bertindak sebagai penasihat syariah bagi program pembiayaan ini," jelas kenyataan itu.

Kenyataan turut memaklumkan, LPPSA merupakan badan berkanun yang diasingkan saraan dan bebas sepenuhnya di bawah Kementerian Kewangan.